

No. Soalan : 40
PR-1341-L72638

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : **22 MAC 2016**

SOALAN : **Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan maklum balas keputusan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai tahanan politik dan harus dibebaskan dengan serta-merta.**

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan yang dikemukakan.

2. Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau *United Nations Working Group on Arbitrary Detention* (WGAD) merupakan satu mekanisme dibentuk di bawah Majlis Hak Asasi Manusia PBB (*UN Human Rights Council*), yang diberi mandat untuk mengeluarkan pendapat (*opinion*) mengenai penahanan seseorang individu berdasarkan aduan individu (*individual complaint*).
3. WGAD terdiri daripada lima (5) individu yang dilantik dalam kapasiti peribadi (*individual capacity*). Pendapat yang dikeluarkan oleh WGAD tidak mewakili pandangan mana-mana negara anggota PBB ataupun pendirian PBB. Pendapat WGAD juga tidaklah terikat dari segi undang-undang (*not legally binding*).
4. Kerajaan Malaysia telah mengkaji pendapat yang dikeluarkan oleh WGAD pada 17 September 2015 mengenai penahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Hampir keseluruhan maklumat dan tuduhan yang menjadi asas pendapat WGAD tersebut merupakan maklumat dari sumber aduan individu.

5. Dalam hal ini, pada 16 November 2015, Kerajaan Malaysia telah mengemukakan maklum balas komprehensif terhadap pendapat tersebut kepada WGAD melalui Pejabat Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva. Maklum balas ini juga dimuatnaik di laman web Kementerian Luar Negeri dan sebuah kenyataan akhbar berkenaan perkara yang sama turut dikeluarkan.

6. Secara ringkasnya, maklum balas Kerajaan Malaysia telah memberi tumpuan kepada hak Dato' Seri Anwar Ibrahim terhadap perbicaraan yang adil, rawatan beliau dalam penjara, pelantikan pendakwa raya utama dalam kes beliau, kelakuan pendakwaan dan tuduhan bahawa pendakwaan bermotifkan politik.

Tuan Yang di Pertua,

7. Dakwaan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan mangsa konspirasi politik telah diteliti secara komprehensif oleh Mahkamah Persekutuan. Namun, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa pembelaan konspirasi politik hanya kekal sebagai penafian semata-mata dan merupakan pembelaan yang tidak boleh dipercayai. Ini memandangkan dakwaan tersebut tidak berasaskan kepada sebarang bukti yang boleh diguna pakai.

8. Badan kehakiman juga telah mempertimbangkan hujah-hujah daripada kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan dengan adil dan saksama, sebelum membuat keputusannya. Keputusan mahkamah adalah pada setiap masa dan peringkat berdasarkan rangka undang-undang

Malaysia, dan tidak dicapai secara *arbitrary* atau sewenang-wenangnya. Sebagai sebuah kerajaan demokratik yang mengamalkan pengasingan kuasa, badan kehakiman Malaysia tidak pernah dipengaruhi oleh cawangan eksekutif atau perundangan.

Tuan Yang di Pertua,

9. Berdasarkan instrumen antarabangsa, tiada definisi yang diterima pakai secara sejagat berkenaan istilah tahanan politik (*political prisoner*). Kerajaan Malaysia, sebagai panduan, telah merujuk kepada beberapa kriteria penentu dan mendapati bahawa kes Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak memenuhi kriteria-kriteria tersebut untuk menakrifkan beliau sebagai tahanan politik. Selain itu, penahanan beliau turut mematuhi sepenuhnya piawaian antarabangsa hak asasi manusia, dan pemenjaraan beliau adalah hasil daripada perbicaraan yang adil.

10. Berdasarkan fakta-fakta yang tidak dapat dinafikan dan asas perundangan yang telahpun dijelaskan secara terperinci oleh Kerajaan Malaysia kepada WGAD, jelaslah bahawa WGAD tidak mempunyai asas untuk mengeluarkan pendapat bahawa perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah bermotifkan politik. Sehubungan itu, tidak ada sebarang asas juga untuk mendapati bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah tahanan politik (*political prisoner*).

Sekian, terima kasih.